



30 September 2025
30 September 2025
P.U. (A) 344

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH IMIGRESEN (PENGEQUALIAN) (NO. 2) 2025

IMMIGRATION (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA IMIGRESEN 1959/63

PERINTAH IMIGRESEN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 55 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Imigresen (Pengecualian) (No. 2) 2025**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2025 hingga 30 September 2026.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan mana-mana warganegara Singapura yang berikut daripada pemakaian Pas yang sah yang dikeluarkan di bawah perenggan 6(1)(c) Akta:

(a) pegawai Kerajaan Republik Singapura daripada *Immigration and Checkpoints Authority, Singapore Police Force, Home Team Science and Technology Agency* dan *Defence Science and Technology Agency* yang terlibat dalam Projek Pembinaan Stesen Rapid Transit System Link di Bukit Chagar, Johor Bahru; dan

(b) kontraktor atau subkontraktor yang diguna khidmat oleh Kerajaan Republik Singapura bagi Projek Pembinaan Stesen Rapid Transit System Link di Bukit Chagar, Johor Bahru.

Syarat pengecualian

3. Mana-mana warganegara Singapura yang dikecualikan di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) kemasukan ke dalam Malaysia hendaklah melalui D11 Tambak Johor, Johor Bahru;

- (b) bagi setiap kemasukan ke dalam Malaysia ke tapak Projek Pembinaan Stesen Rapid Transit System Link di Bukit Chagar, Johor Bahru, warganegara Singapura yang dikecualikan itu hendaklah mengemukakan maklumat yang dikehendaki kepada Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia; dan
- (c) bagi setiap kemasukan ke dalam Malaysia, warganegara Singapura yang dikecualikan itu hanya dibenarkan untuk berada di Malaysia secara sementara bagi tempoh tiga puluh hari.

Dibuat 29 September 2025

[KDN.IM.S.600-2/1/11 JLD.18 (25); PN(PU2)100/JLD.18]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
Menteri Dalam Negeri

IMMIGRATION ACT 1959/63

IMMIGRATION (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by section 55 of the Immigration Act 1959/63 [Act 155], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Immigration (Exemption) (No. 2) Order 2025**.

(2) This Order has effect from 1 October 2025 to 30 September 2026.

Exemption

2. The Minister exempts any of the following citizen of Singapore from the application of a valid Pass issued under paragraph 6(1)(c) of the Act:

(a) an officer of the Government of the Republic of Singapore from the Immigration and Checkpoints Authority, Singapore Police Force, Home Team Science and Technology Agency and Defence Science and Technology Agency involved in the Rapid Transit System Link Station Construction Project at Bukit Chagar, Johor Bahru; and

(b) a contractor or subcontractor engaged by the Government of the Republic of Singapore for the Rapid Transit System Link Station Construction Project at Bukit Chagar, Johor Bahru.

Conditions of exemption

3. Any citizen of Singapore who is exempted under paragraph 2 is subject to the following conditions:

(a) the entry into Malaysia shall be through D11 Johore Causeway, Johor Bahru;

- (b) for each entry into Malaysia to the Rapid Transit System Link Station Construction Project site at Bukit Chagar, Johor Bahru, such citizen of Singapore who is exempted shall submit the required information to the Malaysia Border Control and Protection Agency; and
- (c) for each entry into Malaysia, such citizen of Singapore who is exempted is only permitted to remain temporarily in Malaysia for a period of thirty days.

Made 29 September 2025

[KDN.IM.S.600-2/1/11 JLD.18 (25); PN(PU2)100/JLD.18]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
Minister of Home Affairs